



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**HARI KELEPASAN AM SEMPENA PENCAPAIAN MALAYSIA YANG CEMERLANG
PADA TEMASYA SUKAN SEA KE-29 KUALA LUMPUR (KL 2017)
BAGI PEKERJA SEKTOR SWASTA**

Kerajaan Persekutuan telah mengistiharkan 4 September 2017 sebagai hari kelepasan am Sempena Pencapaian Malaysia Yang Cemerlang pada Temasya Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur. Cuti ini telah diistiharkan di bawah Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951. Oleh itu, cuti ini adalah termaktub sebagai hari cuti umum yang wajib diberi kepada pekerja menurut Seksyen 60D(1)(b) Akta Kerja 1955; Seksyen 103(1)(a) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67); Seksyen 104(1)(a) Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

Berdasarkan kepada Seksyen 60D(1A) Akta Kerja 1955, majikan boleh menggantikan hari lain sebagai cuti ganti umum bergaji. Majikan dikehendaki memberitahu pekerja mereka sama ada memilih tarikh 4 September 2017 sebagai hari cuti umum atau menggantikannya dengan tarikh lain. Sekiranya tiada penggantian hari lain, pekerja yang bekerja pada tarikh tersebut layak menerima kadar gaji bagi cuti umum.

Justeru, sekiranya cuti umum ini jatuh pada hari cuti rehat pekerja (syif), maka hari bekerja berikutnya hendaklah menjadi hari kelepasan am berbayar sebagai ganti bagi hari kelepasan am tersebut. Bagi pekerja yang mempunyai cuti rehat lebih daripada sehari, hari terakhir bagi cuti rehat tersebut merupakan 'cuti rehat' bagi maksud ini.

**YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem
Menteri Sumber Manusia**

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
Kementerian Sumber Manusia
5 September 2017**